

Malaysia  
27 JUL 1991  
tunggu  
tindakan  
lanjut  
Australia

(P)  
KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia menunggu tindakan lanjut Australia berhubung mesej damai kerajaan itu yang disampaikan oleh Menteri Luar dan Perdaganganannya, Senator Gareth Evans, baru-baru ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dalam masa yang sama kerajaan Malaysia juga akan memberi reaksi berhubung mesej itu.

"Ia sewajarnya kembali pulih semula," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku bergambar '*Malaysia: The Heart of Southeast Asia*', di sini malam ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Pesuruhjaya Tinggi Australia di ibunegara, Encik Frank Murray, hari ini.

Encik Murray berkata, Australia mahu hubungannya dengan Malaysia pada masa ini kembali seperti dahulu, memandangkan ia telah lama wujud.

Bercakap kepada pemberita selepas menutup bengkel mengenai Penjagaan Bayi dan Kanak-kanak di Ladang, di Petaling Jaya, hari ini, Encik Murray berkata: "Saya tidak nampak kesukaran memperbaiki apabila hubungan menjadi dingin."